

17 OCT 2002

Mahathir-IT/I

SYARIKAT BESAR INDIA MINAT PERLUASKAN OPERASI KE MALAYSIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

HYDERABAD, 17 Okt (Bernama) -- Lawatan pertama kali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke destinasi teknologi maklumat (IT) yang semakin berkembang di India ini telah membawa hasil yang kukuh dengan beberapa syarikat IT India berminat untuk memperluaskan operasi mereka ke Malaysia.

"Sesetengah syarikat IT di sini berpendapat bahawa Malaysia boleh berperanan sebagai tempat sokongan bagi operasi mereka," kata Perdana Menteri pada sidang media sebelum berlepas ke New Delhi.

Sebuah daripada syarikat itu, Satyam Computer Services Ltd, di Secunderabad yang dilawati Dr Mahathir pagi ini, merancang menjadikan Malaysia sebagai pusat penyelesaian bagi kliennya di seluruh dunia.

Syarikat pembekal menyeluruh IT itu mempunyai pejabat di 43 negara dan memiliki pangkalan pelanggan dengan lebih 260 klien global.

Pengerusinya Ramalinga Raju memberitahu Perdana Menteri bahawa kelebihan Malaysia ialah mempunyai infrastruktur unggul di Koridor Raya Multimedia (MSC) dan "ia hanyalah beberapa jam penerbangan dari Hyderabad."

Dr Mahathir memberi jaminan kepada syarikat itu bahawa kerajaan Malaysia akan memberi sokongan kepada langkahnya memperluaskan operasinya di Malaysia.

Sebuah lagi syarikat IT India, Infosys, yang dilawati Dr Mahathir semalam turut menyatakan kesediaannya untuk menjalinkan kerjasama dengan Malaysia.

Mengenai lawatannya itu, Dr Mahathir berkata kunjungan beliau ke Hyderabad, ibu negeri Andhra Pradesh, telah memberikannya banyak pengetahuan tentang negeri ini.

Menurutnya terdapat potensi besar bagi kerjasama terutamanya dalam sektor IT memandangkan Andhra Pradesh juga mempromosikan Hyderabad sebagai pusat IT.

Ia telah menubuhkan Bandaraya Perundingan Kejuruteraan Teknologi Maklumat Hyderabad (Hitec), yang dilawati Dr Mahathir semalam sejurus selepas tiba dari Kuala Lumpur.

"Kami telah menjalinkan hubungan dengan kerajaan negeri Andhra Pradesh dan kami rasa ini akan membawa kepada kerjasama yang lebih besar lagi," katanya sambil menambah terdapat beberapa bidang yang sedang dikaji.

"Saya tidak mahu terlalu khusus tetapi kita sedang mengkaji beberapa perkara yang memang ada rintangannya yang antara lain, sudah tentu, kemungkinan memasang kereta kita atau mengeluarkan kereta kita di Andhra Pradesh," kata beliau.

Ketua Menteri Andhra Pradesh Chandrababu Naidu telah mencadangkan semasa lawatannya ke Malaysia pada 1997 supaya Proton mengeluarkan keretanya di negeri ini untuk menggalakkan lagi eksport segmen kereta mewah.

Semasa ditanya sama ada syarikat-syarikat Malaysia menghadapi masalah untuk melabur di negeri ini, Dr Mahathir berkata beberapa syarikat Malaysia sedang beroperasi di sini terutamanya dalam pembinaan dan infrastruktur seperti pelabuhan.

Ditanya sama ada Malaysia berhasrat membuka pejabat konsulat di sini, beliau berkata setakat ini, kerajaan tidak bercadang berbuat demikian.

"Bagaimanapun, jika kita mendapati ada interaksi mencukupi dan keperluan berbuat demikian, kita akan kaji kemungkinan mengadakan representasi," kata beliau.

-- BERNAMA

AZZ AHH NAK